

Kuasa Seri Paduka bukan sekadar simbolik demokrasi berparlimen

• Kedudukan Yang di-Pertuan Agong di sisi Perlembagaan Persekutuan akan lebih adil dibahaskan sekiranya aspek sejarah perundangan dan sumber kuasa Persekutuan disoroti



Profesor Madya
Institut Antarabangsa
Pemikiran Islam dan
Tamat Universiti
Islam Antarabangsa
Malaysia dan Fakulti
Pengurusan Industri
Universiti Malaysia
Pahang Al-Sultan
Abdullah (UMPSA)

Oleh Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
bhrencana@bh.com.my

Masih ramai warganegara melihat kedudukan Yang di-Pertuan Agong tidak lebih hanya sebagai payung negara dan lambang perpaduan dan kualitas rakyat Malaysia berbilang agama, ketika ini semakin bertambah.

Baginda juga dianggap tidak boleh mencampuri hal ehwal politik, malah perlu bertindak mengikut nasihat eksekutif pada hampir setiap masa.

Nasihat eksekutif di bawah Perkara 40(1A) Perlembagaan Persekutuan ditafsirkan dengan seluas-luasnya untuk mengehadkan kuasa semak dan imbang Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan Persekutuan.

Kebelakangan ini apabila timbul kepentingan pihak tertentu untuk mencapai tujuan tersier, maka luangkuasa prerogatif diraja begitu kuat kedengaran, meskipun sebahagian mereka sebelum ini begitu kuat menentangnya.

Jika diteliti maksud kuasa prerogatif ditafsirkan pihak berkepentingan sempit itu, ternyata mereka lebih bermotifkan agenda kepartian berbeza dengan kedudukan kuasa prerogatif sebenar Yang di-Pertuan Agong yang berpaksikan pada sumpah jawatan baginda mengikut Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan.

Kedudukan Yang di-Pertuan Agong di sisi Perlembagaan Persekutuan akan lebih adil dibahaskan sekiranya aspek sejarah perundangan dan sumber kuasa Persekutuan disoroti.

Pada hakikatnya, Yang di-Pertuan Agong diintuisikan melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 5 Ogos 1957. Terdapat empat jadual dilampirkan dalam perjanjian tersebut, iaitu Jadual Pertama, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu; Jadual Kedua, Perlembagaan Pulau Pinang; Jadual Ketiga, Perlembagaan Melaka dan Jadual Keempat, perkara menyentuh kepentingan Kesultanan Kedah terhadap Pulau Pinang seperti termaktub dalam Perkara 167 Jadual Pertama (Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957).

Meskipun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu disaraskan untuk mendapat kelulusan melalui enakmen Negeri dan ordinan Persekutuan sebelum boleh dikutukasakan, kuasa perkenan akhir adalah Raja-Raja Melayu.

Pada 31 Ogos 1957, kuasa kedaulatan Ratu British terhadap Negeri Selat Pulau Pinang dan Melaka ditamatkan, sekali gus terletak pada Yang di-Pertuan Agong.

• Kuasa Yang di-Pertuan Agong tidak hanya simbolik kerana baginda menanggung kewajipan diberikan kuasa berdaulat mendirikan Persekutuan Tanah Melayu dikenali Malaysia pada hari ini

Dewan Perundangan Persekutuan Tanah Melayu diutuhkan melalui kuasa delegasi bersama Raja England bagi Negeri Selat Pulau Pinang dan Melaka dengan Raja-Raja Melayu bagi sembilan negeri Melayu berdaulat lagi merdeka.

Begitu juga halnya dengan kedudukan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu. Kenyataan mengenai penubuhan Dewan Perundangan dan kuasa Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu berkenaan termaktub dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan diterbitkan pada 19 Disember 1946.

Hasil laporan itu, proses pembentahan Malayan Union dimulakan hingga terbentuklah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 21 Januari 1948.

Perkara 32 menyentuh kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama Persekutuan dipilih Raja-Raja Melayu mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan

Berbalik kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, kedudukan Yang di-Pertuan Agong yang diperlakukan menurut Perkara 32 dan 38 memunjukkan baginda menjadi wakil kepada Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan kuasa kedaulatan baginda di bawah Perkara 18(1).

Ketua utama Persekutuan

Perkara 32 menyentuh kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama Persekutuan dipilih Raja-Raja Melayu mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 38 pula menyentuh kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah berdaulat di negeri masing-masing serta sebagai pendiri Persekutuan, manakala Perkara 18(1) menyentuh kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja Melayu termasuk kedudukan Pembesar Memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah masing-masing.

Status merdeka diberikan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 kerana meskipun

berada dalam Komanwel, Ketua Persekutuan ialah Yang di-Pertuan Agong, berbeza dengan anggota Komanwel lain yang pada ketika itu ketua negara mereka ialah Ratu England.

Jika Memorandum Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu bertarikh 12 September 1956 dan Kertas Putih Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dibentangkan di Parlimen Britain pada 12 Julai 1957 diperhalusi, ternyata Yang di-Pertuan Agong ialah ciptaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi tonggak kepada fede-

ralisme di Malaysia.

Kuasa yang terletak di bahu Yang di-Pertuan Agong adalah kuasa diberikan Raja-Raja Melayu untuk baginda melaksanakan kuasa kedaulatan di peringkat Persekutuan mengikut peruntukan Perlembagaan.

Dalam pada itu, Yang di-Pertuan Agong memang kuasa prerogatif dilafazkan melalui sumpah jawatan baginda dengan ikrar untuk taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia berlandaskan prinsip keluheran Perlembagaan, memelihara pada setiap masa agama Islam serta berdiri tetap di atas pemerintahan adil dan aman di dalam negara.

Yang di-Pertuan Agong menjadi pemegang kuasa kedaulatan Persekutuan dimanifestasikan melalui Perkara 3, 37, 39, 42, 44, 66, 74(1), 121, 150 dan 159, maka fungsi kuasa berkenaan boleh dilaksanakan baginda sendiri atau mana-mana tiga cabang kuasa di bawah baginda iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman berkenaan.

Disebabkan kedaulatan masih terletak pada Raja-Raja Melayu, maka istilah demokrasi bermakna sedaulatan rakyat seperti difahami Barat tidak dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Demokrasi berparlimen diamanalkan di Britain amat berbeza sekali di Malaysia kerana sistem pilihan raya dan suara majoriti di Parlimen serta Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah tidak mutlak.

Lantaran federalisme Malaysia seperti dijelaskan menjadikan struktur asas Perlembagaan yang menjadikan sistem demokrasi di Malaysia berada di bawah kedaulatan Raja-Raja Melayu dan keluheran Perlembagaan Persekutuan.

Ringkasnya, Yang di-Pertuan Agong menjadi pemerintah tertinggi negara yang disyaratkan keseitan pada amanah diberikan Raja-Raja Melayu untuk memerintah Persekutuan berdasarkan Perlembagaan.

Kuasa Yang di-Pertuan Agong tidak hanya simbolik kerana baginda menanggung kewajipan diberikan kuasa berdaulat mendirikan Persekutuan Tanah Melayu dikenali Malaysia pada hari ini.

Semuai artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH